

BAB 5

PEMBENTUKAN KATA

Pengenalan

Dalam huraian lepas telah dikemukakan perbincangan tentang golongan kata yang wujud dalam variasi Kristang serta perjenisan dan contohnya. Perbincangan ini pula akan menyentuh tentang proses pembentukan kata yang wujud dalam kreol tempatan itu. Oleh kerana bidang morfologi merupakan bidang yang mengkaji kata dari aspek pergelongan dan pembentukannya maka adalah dianggap wajar untuk mengemukakan perbincangan proses pembentukan kata dalam variasi Kristang berpandukan contoh-contoh (data informan).

Pembentukan kata ialah satu proses yang menerbitkan kata-kata dalam sesuatu bahasa melalui proses pemajmukan, penggandaan, pengimbuhan dan lain-lain. Melalui proses ini kata-kata baru wujud dan ini menambahkan perbendaharaan kata dalam sesuatu variasi bahasa (*Abdul Razak 1992:146*).

5.1 Pemajmukan

Pemajmukan ialah satu proses yang menggabungkan dua kata dasar atau lebih untuk menghasilkan satu bentuk kata yang membawa maksud tertentu pada perkataan tersebut. Makna yang didokong oleh gabungan kata ini berbeza daripada maksud asal kata-kata tersebut (*Abdul Razak 1992:151*).

Biasanya kata majmuk ini tidak menerima unsur penyisipan dalam binaannya dan dieja terpisah sebagai dua atau tiga perkataan. Hal ini dapat dibuktikan daripada data kajian tentang contoh-contoh kata majmuk di dalam variasi Kristang.

Contoh :- (**Rujuk Lampiran II, MS 133, 134 & 135**)

Kristang	B.M.
<i>Panu de meza</i>	Alas meja
<i>Femi benfate</i>	Gadis cantik
<i>Glara pretu</i>	Gagak hitam
<i>Cabera machu</i>	Kambing jantan
<i>Cabera femi</i>	Kambing betina
<i>Kacoru machu</i>	Anjing jantan
<i>Kacoru femi</i>	Anjing betina

Daripada contoh yang telah dikemukakan di atas jelas menunjukkan kata majmuk yang wujud di dalam variasi Kristang terdiri daripada golongan kata nama. Salah satu unsur unik yang dapat dikenalpasti ialah perkataan *femi* (betina) dan *machu* (jantan) yang membezakan bentuk jantina tidak kira rujukan bagi manusia atau binatang.

Misalnya *femi benfate* (gadis cantik) dan *Cabera femi* (kambing betina). Contoh ini jelas membuktikan dalam variasi Kristang rujukan *femi* adalah rujukan umum yang membawa pengertian betina dalam Bahasa Melayu yang dapat dilihat dalam data kajian iaitu kambing betina (*Cabera femi*).

Ciri ketara lain yang dapat dikenalpasti daripada contoh variasi Kristang tentang proses pemajmukan kata ialah gabungan kata yang tidak membawa pengertian secara langsung tentang sesuatu rangkaikata. Misalnya *osu di kacoru* yang membawa maksud tulang kepunyaan anjing atau ‘bone belong dog’, bagi kata majmuk ‘dogbone’ (Bahasa Inggeris). Bagi kata *panu de meza* yang membawa pengertian alas kepunyaan meja atau ‘cloth belong table’, yang merujuk kepada pengertian ‘alas meja’ dalam Bahasa Melayu. Daripada kedua-dua contoh ini jelas menunjukkan ciri yang menepati elemen linguistik nahu variasi kreol lain misalnya perkataan ‘belong’ (Bahasa Inggeris) atau ‘kepunyaan’ yang sering

digunakan dalam pembentukan kata majmuk variasi kreol. Binaan kata yang terdiri daripada perkataan ‘belong’ ini nyata membuktikan variasi Kristang sebagai salah satu variasi kreol tempatan yang lahir dan masih kekal digunakan sebagai perantara pertuturan di kalangan komuniti Kristang di negara kita khasnya di Melaka.

Satu lagi keunikan variasi Kristang tentang proses pemajmukan ialah pemajmukan kata nama yang terdiri daripada pola kata nama, kata kerja dan kata nama (NVN) yang dapat dilihat daripada contoh berikut.

Contoh : (**Data informan**)

N V N

- a) *mule bizia kranse (Kristang)*
wanita jaga anak (B.M.)
pengasuh (B.M.)
nanny (B. Ing.)

- b) *omi benday angkozek (Kristang)*
lelaki jual barang (B.M.)
jurujual (B.M.)
salesman (B. Ing.)

Daripada contoh di atas dapat dilihat proses pemajmukan kata nama variasi Kristang adalah berbeza daripada kata majmuk Bahasa Melayu kerana variasi Kristang memperlihatkan gabungan kata yang lebih iaitu hampir tiga perkataan (*omi benday angkozek*) berbanding dengan Bahasa Melayu yang terdiri daripada satu perkataan iaitu ‘*Jurujual*’. Dalam variasi kreol Kristang lazimnya rujukan seperti ‘*omi benday angkozek*’ dan ‘*papel di nobes*’ (suratkhabar) sering digunakan dalam binaan kata majmuk.

5.2 Penggandaan

Penggandaan ialah proses yang menggandakan sesuatu kata dasar sama ada secara penuh atau gandaan separa.

a) Kata gandaan seluruh

Gandaan seluruh ialah proses menggandakan keseluruhan kata dasar yang terdiri daripada golongan kata nama, kata kerja atau kata adjektif. Penggandaan keseluruhan ini biasanya membawa pengertian fungsi jamak (plural) atau menunjukkan makna banyak.

Misalnya :- (*Rujuk Lampiran II, MS 133*)

Kristang	B.M.
<i>femi-femi</i>	perempuan-perempuan
<i>bola-bola</i>	bola-bola
<i>butigue-butigue</i>	kedai-kedai
<i>gatu-gatu</i>	kucing-kucing
<i>pastu-pastu</i>	burung-burung

Daripada contoh di atas dapat dirumuskan gandaan seluruh yang berlaku dalam variasi Kristang menyerupai binaan kata ganda seluruh nahu Bahasa Melayu, iaitu keseluruhan kata dasar diulangi untuk menunjukkan pengertian fungsi jamak. Misalnya *gatu-gatu* (Kristang) atau kucing-kucing (Bahasa Melayu).

b) Gandaan separa

Gandaan separa merupakan proses penggandaan yang melibatkan sebahagian daripada kata dasar. Dalam variasi Kristang penggandaan separa ini wujud di bahagian hadapan sesuatu kata dasar. Ini dikenali

sebagai penggandaan separa kata dasar tunggal yang melibatkan pengulangan suku-kata pertama sesuatu kata dasar.

Misalnya :- (*Rujuk Lampiran II, MS 138*)

Kristang	B.M.
-----------------	-------------

<i>krenkrensa</i>	kanak-kanak
<i>femfemi</i>	wanita
<i>kamkambredu</i>	kawan-kawan
<i>famfamilia</i>	keluarga-keluarga
<i>reretuk</i>	benar-benar
<i>pepestek</i>	cepat-cepat

Satu ciri unik yang dapat dikenalpasti daripada variasi kreol Kristang ialah pola penggandaan separa iaitu rujukan bagi wanita adalah *femfemi* (Kristang) yang berasal daripada kata dasar *femi* yang telah digandakan.

Begini juga dengan perkataan *krenkrensa* yang asalnya adalah daripada kata ganda *kreŋsa-kreŋsa* yang bermaksud kanak-kanak. Oleh itu kata *femi* yang bermaksud ‘perempuan’ bila mengalami proses penggandaan separa iaitu *femfemi* yang bermaksud ‘wanita’ merupakan rujukan spesifik yang pengertiannya berbeza daripada kata gandaan seluruh *femi-femi* (perempuan-perempuan) yang membawa maksud jamak.

c) **Penggandaan kata adjektif**

Proses penggandaan berlaku juga pada golongan kata adjektif yang biasanya membawa fungsi intensiti. Dalam variasi Kristang kata adjektif yang mengalami proses penggandaan biasanya berfungsi sebagai penerang kata kerja.

Misalnya :- (**Data informan**)

- a) *Yo se imang te kaza gritu fosek-fosek (Kristang)*
Saya punya adik menjerit kuat-kuat (B.M.)
- b) *Eli beli belu ta bai mar (Kristang)*
Dia tua-tua pun pergi ke laut (B.M.)
- c) *Akeli krensa anda pestek-pestek (Kristang)*
Itu budak berjalan cepat-cepat (B.M.)

Daripada contoh di atas dapat dilihat perkataan **fosek** dan **pestek** telah digandakan untuk menunjukkan fungsinya sebagai penerang kata kerja.

Penggunaan perkataan **fosek** dan **pestek** sebenarnya dalam konteks penggunaan variasi standard tidak perlu digandakan. **Fosek-fosek** boleh digantikan dengan perkataan **fosek** sahaja iaitu maksud literalnya dalam Bahasa Melayu ialah ‘sangat kuat’. Di sini dapat dinyatakan perkataan **fosek** dan **pestek** yang digandakan dalam konteks ayat Kristang kemungkinan untuk menunjukkan fungsi penegasan.

5.3 Bentuk Jantina

Bentuk jantina merupakan satu lagi elemen linguistik yang dapat dikenalpasti dalam tatabahasa Kristang. Dalam variasi kreol Kristang kebanyakannya daripada perkataan yang menunjukkan perbezaan jantina terdiri daripada golongan kata nama yang membezakan bentuk jantan (masculine) dan betina (feminine). Hal ini dapat dibuktikan daripada data informan. (**Rujuk Lampiran 1, Sesi Perbualan IV**)

Contoh : (**Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan IV, MS 131**)

Kristang	B.M.
<i>bela</i>	wanita tua
<i>belu</i>	lelaki tua
<i>fila</i>	mak perempuan
<i>filu</i>	anak lelaki
<i>galinya</i>	ayam betina
<i>galu</i>	ayam jantan
<i>sogra</i>	ibu mertua
<i>sogru</i>	bapa mertua
<i>tia</i>	makcik
<i>tiu</i>	pakcik

B.M.

<i>bela</i>	wanita tua
<i>belu</i>	lelaki tua
<i>fila</i>	mak perempuan
<i>filu</i>	anak lelaki
<i>galinya</i>	ayam betina
<i>galu</i>	ayam jantan
<i>sogra</i>	ibu mertua
<i>sogru</i>	bapa mertua
<i>tia</i>	makcik
<i>tiu</i>	pakcik

Daripada contoh di atas, jelas menunjukkan perbezaan jantina dalam variasi Kristang merangkumi satu pola perubahan bunyi vokal yang unik iaitu vokal ‘a’ yang merujuk kepada jantina betina dan vokal ‘u’ yang merujuk kepada jantina jantan. Seperkara lagi yang dapat dikenalpasti ialah perubahan bunyi vokal ‘a’ dan ‘u’ bagi menunjukkan perbezaan jantina tidak hanya merujuk kepada manusia sahaja iaitu membezakan di antara jantina lelaki atau perempuan. Malah perubahan bunyi vokal ini wujud juga bagi rujukan binatang bagi membezakan di antara bentuk jantan dan betina. Misalnya perkataan *galinya* dan *galu*. Jelaslah di sini perubahan bunyi vokal yang berlaku bagi perbezaan jantina dalam variasi kreol Kristang adalah bersifat fleksibel iaitu berlaku bagi rujukan manusia dan binatang dengan pola perubahan bunyi vokal yang sama.

Kesimpulan

Bab ini menyentuh tentang pembentukan kata variasi kreol Kristang dengan tumpuan kepada proses pembentukan kata yang merangkumi pemajmukan, penggandaan dan bentuk jantina. Perbincangan juga difokuskan kepada jenis-jenis penggandaan iaitu gandaan seluruh dan gandaan separa. Daripada contoh-contoh yang dikemukakan dan data informan dapat dirumuskan keunikan perubahan bunyi vokal yang dapat dikenalpasti daripada bentuk jantina. Akhir kata, variasi kreol Kristang mengandungi elemen-elemen linguistik nahu yang dapat dijadikan bahan kajian untuk penyelidikan selanjutnya selaras dengan variasi bahasa standard.

BAB 6

KESIMPULAN

Pengenalan

Memandangkan variasi kreol Kristang merupakan di antara kreol-kreol tempatan yang masih kekal digunakan di Melaka disamping variasi kreol Baba-Melayu dan Chitty Melaka, maka tujuan utama kajian disertasi ini ialah untuk mengemukakan struktur tatabahasa kreol linguistik deskriptif dengan tumpuan kepada beberapa elemen linguistik yang direduksi. Oleh kerana variasi Kristang merupakan perantara pertuturan domestik di kalangan penutur-penutur Kristang di Melaka dan adalah salah satu daripada variasi kreol Portugis yang masih lagi wujud di kawasan Asia Tenggara, maka ia telah menjadi pendorong utama terhadap kajian kreol linguistik ini (*Sta Maria B, 1982:138*). Jadi semasa kajian disertasi ini dijalankan melalui kerja-kerja lapangan banyak perkara tentang kreol tempatan ini telah dapat dikenal pasti. Antaranya ialah latarbelakang sosio-ekonomi, dan sosio-budaya komuniti Kristang termasuk bahasa, agama dan adat resam Kristang. Daripada data informan dan pemerhatian kendiri (personal observation) perbincangan juga telah difokuskan kepada masa depan Kristang - yakni sejauh mana hayat variasi kreol tempatan ini dapat dikekalkan berbanding dengan variasi Baba-Melayu dan Chitty Melaka.

6.0 Penilaian

6.1 Pengkalan dan pemeliharaan variasi kreol Kristang

Kajian disertasi yang dijalankan ini diharap dapat membantu kerja-kerja penyelidikan akademik selanjutnya tentang variasi kreol tempatan lain (yang kurang dikaji dan diberi perhatian) terutamanya dalam bidang linguistik bandingan. Oleh kerana berlakunya pertembungan budaya di Melaka akibat proses penjajahan dan perdagangan pada masa dahulu sehingga munculnya

beberapa variasi kreol tempatan maka kajian kreol Kristang ini dapat menyumbang terhadap kajian kesesuaian nahu bahasa dan variasi bahasa. Hal ini dapat dibuktikan daripada data kajian disertasi penyelidik iaitu kesesuaian struktur nahu kreol Kristang dan Bahasa Melayu telah dapat dikenalpasti. Memandangkan masyarakat Kristang yang bersifat bilingual maka bahasa Melayu dan Inggeris terus mempengaruhi pertuturan domestik harian penutur Kristang di Melaka. Ini adalah kerana bahasa yang dominan dari segi kepentingan ekonomi, sosial, pentadbiran dan pendidikan di Malaysia adalah bahasa Melayu (bahasa pertama) dan bahasa Inggeris (bahasa kedua). Akibatnya penggunaan variasi kreol Kristang semakin berkurangan terutamanya di kalangan generasi muda Kristang (di bawah 20 tahun) di sebabkan oleh sistem pendidikan yang berorientasi kemalaysian kerana penggunaan kod-kod bahasa yang berlainan ini telah menggantikan leksikon Kristang. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan penggunaan kreol Kristang menjadi semakin lemah. Jadi pengaruh kedua-dua bahasa ini ke atas variasi kreol Kristang amat ketara terutamanya fenomena peralihan-kod sehingga kebanyakannya leksikon Kristang telah diasimilasi sebagai unsur penyerapan dalam perbendaharan kata bahasa Melayu misalnya *meza* (meja), *janela* (jendela), *kareta* (kereta), *garfo* (garpu), *kaeju* (keju) dan lain-lain.

Juga melalui kajian ini, beberapa perkara yang berkaitan dengan perkembangan dan pemeliharaan variasi kreol Kristang telah dapat dikenalpasti. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa perdagangan yang dominan di kalangan penutur bahasa di Melaka sejak zaman sejarah lagi namun kewujudan fenomena bilingualism merupakan unsur penting dalam pemeliharaan variasi kreol tempatan. Ini telah dikenalpasti daripada variasi kreol Baba-Melayu dan Chitty Melaka yang menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan domestik harian. Sementara itu kewujudan kegiatan mubaligh Portugis pada zaman penjajahan Portugis sehingga hari ini menunjukkan pertembungan budaya yang berterusan dengan negara Portugal. Ini dapat di buktikan daripada rombongan mubaligh Portugis yang seringkali datang ke Melaka untuk menjadi ‘patron’ atau

merasmikan upacara berunsur keagamaan Kristang seperti “Easter Sunday Mass” di gereja St Peter Melaka dan perarakan agama semasa ‘Good Friday’ (*Sta Maria B, 1982:206*).

Akibatnya variasi kreol Kristang menerima pengaruh daripada variasi bahasa Portugis Metropolitan dan penggunaan kreol Kristang di gereja-gereja Katolik berlanjutan sehingga perang Dunia Kedua. Walaupun penutur Kristang merupakan komuniti bahasa yang minoriti dan majoritinya (hampir 60%) bermastautin di Perkampungan Portugis di Melaka namun hayat dan pemeliharaan bahasa itu terus kekal menjadikan kreol tempatan ini disamatarafkan hayatnya dengan variasi kreol yang lain iaitu Baba-Melayu. Begitu juga akibat pertembungan budaya yang berlanjutan sebilangan penutur asing (bukan penutur Kristang) dapat bertutur dalam variasi kreol Kristang kerana menetap di perkampungan Portugis di Melaka dan kerap berkomunikasi dengan penutur Kristang. Ini telah dikenalpasti dalam kes masyarakat Cina iaitu pemilik kedai runcit yang sering berkomunikasi dengan masyarakat Kristang dalam variasi kreol Kristang semasa berurusniaga di Perkampungan Portugis dan Praya Lane, Melaka. Bukti ini dapat dikesan daripada data responden iaitu keluarga Low yang telah bermastautin di perkampungan Portugis hampir 40 tahun dapat bertutur dalam variasi Kristang dengan agak fasih. Juga melalui perkahwinan campur dan pergaulan kaum variasi kreol Kristang terus tersebar di kalangan penutur asing di Melaka tetapi bilangannya adalah kecil.

6.2 Penggunaan Kristang masa kini

Namun demikian, variasi kreol Kristang yang merupakan perantara komunikasi utama serta bahasa pertama di kalangan komuniti Kristang di Melaka pada suatu ketika dahulu kini penggunaan variasi ini semakin berkurangan. Ini disebabkan oleh keadaan persekitaran perkampungan Portugis serta status sosio-ekonomi masyarakat Kristang yang semakin berubah ke arah pmodenan.

Kini disebabkan oleh kemajuan moden perkampungan Portugis yang merupakan tempat penginapan masyarakat Kristang telah diiktiraf oleh kerajaan negeri Melaka sebagai destinasi pelancungan, variasi kreol Kristang telah diganti oleh pertuturan dalam bahasa Inggeris (kreol Kristang hanya digunakan dalam pertuturan kasual di kalangan penutur Kristang). Sementara itu disebabkan bahasa perantara dalam sistem pendidikan Malaysia adalah bahasa Melayu (bahasa pertama) maka ramai di kalangan remaja Kristang yang mengikuti sistem persekolahan bercorak kemalaysian fasih dalam bahasa Melayu yang juga merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia. Kebanyakan daripada gaya pertuturan mereka dipengaruhi oleh bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yakni fenomena peralihan-kod begitu jelas dalam pertuturan sehari-hari mereka. Berdasarkan alasan ini maka wujudlah persoalan sejauh mana kreol tempatan ini akan kekal berlanjutan sebagai bahasa pertama di kalangan penutur Kristang.

Hal ini telah dibincangkan secara terperinci oleh beberapa orang pakar bahasa dan linguistik asing melalui pembentangan kertas-kerja di dalam seminar anjuran saudari Joan Marbeck di Straits Lodge, Melaka pada bulan Januari tahun 1996. Perkara utama yang dibincangkan ialah status dan kedudukan kreol Kristang pada dekad akan datang dan usaha yang akan dijalankan untuk mengukuh dan mengekalkan kedudukannya sebagai bahasa pertama pertuturan domestik penutur Kristang. Usaha ini dapat dilaksanakan dengan inisiatif dan kerjasama jawantankuasa perkampungan Portugis melalui kelas-kelas Kristang dan penerbitan bahan bacaan dan buletin dalam variasi Kristang. Ini secara tidak langsung dapat meyakinkan komuniti Kristang terhadap penggunaan kreol tempatan mereka. Begitu juga dengan menggalakkan promosi aktiviti kumpulan kebudayaan tradisi Kristang. Ini dapat dibuktikan dengan kumpulan penyanyi dan penari Kristang yang mengadakan pertunjukan pentas (tarian dan nyanyian Kristang seperti *branyo*, *Trez Amigos* dan *Dos Cambrados*) di hotel-hotel terkemuka di Melaka misalnya Hotel Portugis (di Melaka Raya) mengadakan

promosi makanan dan budaya Kristang sepanjang tahun. Dengan kata lain, nilai komersial yang diberikan kepada komuniti Kristang sedikit sebanyak telah membantu dalam mengekalkan budaya dan bahasa Kristang (**Sumber** : *Jawantankuasa Perkampungan Portugis, 1996*).

Variasi kreol tempatan ini dapat dikekalkan hayatnya sekiranya mubaligh-mubaligh Kristian mengamalkan penggunaannya, semasa upacara ‘mass’ di gereja. Ini dapat dibuktikan daripada khutbah agama yang disampaikan di dalam variasi Kristang di Assumption Chapel di Praya Lane Melaka. Pada tahun 70an dan 80an di perkampungan Portugis dan Praya Lane, nyanyian agama di gereja disampaikan dalam variasi kreol Kristang. Hal ini secara tidak langsung dapat menggalakkan dan mengekalkan penggunaan kreol tempatan ini. Tetapi sejak kebelakangan (tahun 90an) ini disebabkan arus pemodenan dan akibat perkahwinan campur (orang Cina dan India) penutur Kristang kurang menggunakan kreol Kristang dalam pertuturan konteks rasmi seperti penyampaian khutbah di gereja dan perjumpaan formal (misalnya pembentangan kertas-kerja dalam seminar dan bengkel kreol Kristang) (**Sumber** : *Jawantankuasa Perkampungan Portugis, 1996*). Mereka lebih suka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris yang secara tidak langsung mengambil alih pertuturan domestik dalam variasi kreol Kristang. Daripada perbualan penyelidik dengan beberapa penutur Kristang di perkampungan Portugis seperti saudari Mona, Charmaine dan Peggy Sta Maria didapati kreol Kristang hanya digunakan dalam perbualan domestik sesama ahli keluarga dan jiran tetangga yang kurang mendapat didikan formal (khasnya generasi tua). Tetapi di kalangan adik-beradik dan rakan sebaya, pertuturan alih-kod Kristang - Bahasa Inggeris diamalkan.

Begitu juga akibat pembangunan moden ramai di antara pemuda-pemudi Kristang yang berpendidikan berhijrah ke kota-kota besar untuk mencari rezeki. Prospek pekerjaan yang luas dan mencabar di ibukota seperti Kuala Lumpur, Singapura, Australia dan United Kingdom telah mendorong penghijrahan golongan

profesional komuniti Kristang keluar dari perkampungan Portugis. Setakat ini petempatan komuniti Kristang berselerak di sekitar Melaka dan bukan hanya bertumpu di perkampungan Portugis dan Praya Lane sahaja (lebih kurang 1000 orang). Menurut En.Aloysius Sta Maria (responden) terdapat 15 - 20 keluarga Kristang menduduki kawasan perumahan Bukit Beruang dan Air Keroh serta 3 buah keluarga menetap di kawasan Taman Serendit dan lain-lain.

Nyatalah dari perangkaan ini disebabkan migrasi dalaman dan luaran maka bilangan penutur natif Kristang di Melaka semakin berkurangan dan hal ini seterusnya membawa kesan negatif kepada penggunaan kreol Kristang yang sejak kebelakangan ini kurang popular diamalkan. Walaupun hal ini dinafikan dan cuba dipertahankan oleh Jawantankuasa Perkampungan Portugis yang diketuai oleh Regedor En. Michael Young. Tetapi secara lahiriah ini merupakan scenario sebenar yang wujud di perkampungan Portugis dibuktikan daripada data temubual dengan beberapa penutur natif Kristang. Di samping itu daripada pemerhatian kendiri (personal observation) di sebuah Sekolah Convent di Melaka iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Infant Jesus Convent (pengkaji guru di sekolah tersebut) didapati pertuturan sesama sendiri di kalangan remaja muda Kristang di sekolah adalah dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu (kurang menggunakan kreol Kristang) manakala di kalangan pelajar-pelajar Cina dan India mereka bertutur dalam bahasa ibunda mereka iaitu dialek Hokkien dan bahasa Tamil. Bila disoal, mereka mengatakan ia kurang pratikel dan berasa malu (ditertawakan oleh rakan) jika berbual dalam variasi kreol Kristang dalam konteks sekolah. Jadi dapat disimpulkan di sini, sikap masyarakat Kristang (khasnya golongan muda) memainkan peranan penting terhadap penggunaan dan pengekalan variasi kreol Kristang. Jika sikap sedemikian berlanjutan nyatalah variasi ini kemungkinan pupus penggunaannya pada masa akan datang. Juga sikap ini menyebabkan variasi kreol Kristang disampaikan secara lisan tanpa bentuk bertulis. Kesan pemupusannya kurang ketara kini kerana kreol ini masih diperaktikkan dalam pertuturan domestik di kalangan generasi tua di perkampungan Portugis, Melaka.

Tetapi jika hal ini berterusan dengan ketiadaan golongan tua Kristang maka besar kemungkinan kreol tempatan ini akan luput pada masa depan.

6.3 Kekangan Kajian

Setelah mengenalpasti objektif kajian disertasi ini iaitu mengenali secara deskriptif struktur nahu variasi kreol Kristang, mengetahui tentang pemeliharaan dan pengekalannya serta memberi tumpuan kepada beberapa elemen linguistik yang direduksi. Terdapat beberapa kekangan yang telah dikenalpasti oleh penyelidik semasa menjalani kerja-kerja pengumpulan data dan menemubual responden dalam usaha untuk melengkapkan kajian disertasi ini. Antaranya ialah kekurangan maklumat tentang kreol Kristang terutamanya dalam aspek tatabahasa. Semua kata kerja kreol ini adalah dalam bentuk infinitif.

Oleh kerana kekurangan unsur nahu dan dokumen bertulis serta bahan tercetak maka didapati perkembangan variasi ini agak statik kerana kurang tumpuan diberikan dalam usaha penyelidikan dan mendokumentasi data oleh penyelidik dan pengkaji tempatan. Hal ini juga telah mewujudkan masalah kepada penyelidik semasa membuat kajian disertasi kerana kekurangan bahan bertulis atau tercetak untuk membuat rujukan selanjutnya memandangkan penyelidik bukan merupakan penutur natif kreol Kristang.

Kekangan seterusnya ialah sasaran kajian iaitu responden yang fasih bertutur dalam kreol Kristang terdiri daripada golongan generasi tua(lingkungan umur 50 tahun ke atas) tetapi semasa kajian ini dijalankan bilangan yang wujud di Perkampungan Portugis segelintir sahaja (hanya 19%). Jadi adalah sukar untuk mendapatkan korpus maklumat kerana terpaksa bergantung kepada keupayaan mental serta daya ingatan mereka tentang lagu-lagu tradisional seperti *Nina Boboi, Stori Rainya* dan lain-lain.

Di samping itu, variasi kreol Kristang disampaikan dari satu generasi ke satu generasi yang lain secara komunikasi verbal serta diajar tanpa bantuan buku atau didikan formal dan ibu bapa memainkan peranan sebagai pengajar. Walaupun penggunaan kreol ini wujud tetapi perkembangannya tidak menepati masa.

6.4 Cadangan-cadangan

Jadi sebelum hal ini berlaku beberapa langkah terhadap pengekalan dan pemeliharaan kreol tempatan ini telah disarankan seperti mengadakan kelas Kristang, menerbitkan buletin dan bahan cetak Kristang, penyampaian khutbah di gereja dalam variasi kreol Kristang, kempen mempromosi budaya, tradisi dan bahasa Kristang, usaha pengumpulan terminologi Kristang oleh pakar-pakar akademik tempatan dan mengadakan seminar, bengkel serta kursus bahasa Kristang dari semasa ke semasa di pusat pengajian tinggi tempatan. Tetapi sehingga kini (tahun 1998) hal ini hanya menjadi bahan perbincangan secara verbal sahaja. Hakikatnya hanya beberapa usaha sahaja telah dijalankan setakat ini iaitu pengumpulan terminologi Kristang (usaha oleh En. George Lazaroos dan Patrick de Silva - belum diterbitkan) dan kempen promosi budaya, tradisi dan bahasa Kristang melalui Pesta San Pedro dan minggu atau bulan budaya Kristang di hotel - hotel tempatan Melaka yang lebih menonjolkan nilai komersial daripada norma hidup komuniti Kristang. Jelaslah di sini walaupun terdapat langkah - langkah pemeliharaan kreol Kristang yang telah disarankan namun usaha dan inisiatif komuniti Kristang serta jawantankuasa perkampungan Portugis ke arah pemeliharaan dan pengekalan variasi kreol tempatan ini kurang membawa hasil yang dapat dijadikan panduan atau rujukan terhadap penyelidik akademik.

Oleh itu untuk melanjutkan lagi usaha-usaha yang telah di jalankan oleh Panel Regedor serta Jawatankuasa Perkampungan Portugis adalah dicadangkan satu rancangan menyeluruh dan sistematik tentang program pengajaran dan pembelajaran Kristang dirancang . Hal ini dilakukan untuk menggalakkan penggunaan kreol Kristang di kalangan generasi muda (yang lebih suka bertutur

dalam Bahasa Melayu) seperti mengadakan kelas bimbingan Kristang, aktiviti-aktiviti sosial seperti Program Rakan Muda, Kursus Kepimpinan dan lain lain. Ini bukan sekadar mewujudkan hubungan silaturahim tetapi melalui interaksi, berkomunikasi sesama sendiri untuk menggalakkan penggunaan kreol Kristang.

Di samping itu walaupun kreol Kristang kaya dengan lagu-lagu tradisional dan moden tetapi tidak ada usaha yang diambil setakat ini untuk mendokumentasikan *rainya* atau peribahasa tersebut yang hanya dapat disampaikan oleh generasi tua melalui nyanyian *Nina Boboi*, *Bota Fogo* dan lain lain. Sumber yang mempunyai nilai sejarah serta berharga ini perlu di kumpul dan diterbitkan sebagai dokumen bertulis jika tidak ada usaha pemeliharaan dijalankan kemungkinan penggunaannya akan berkurangan dengan peredaran zaman. Adalah diharapkan cadangan ini akan menjadi daya pendorong kepada pengkaji atau pelajar tempatan untuk melanjutkan penyelidikan dengan fokus kepada analisis lagu-lagu tradisional Kristang. (**Rujuk Lampiran II**). Setakat ini usaha-usaha penyelidikan dan dokumentasi yang telah dijalankan oleh beberapa pengkaji barat seperti Rego (1941) dan Baxter (1988) tentang struktur nahu dan perbendaharaan kata kreol Kristang harus di puji kerana sudah ada pihak yang menaruh minat terhadap kewujudan kreol tempatan ini. Juga terdapat usaha-usaha pengumpulan leksikon yang dijalankan oleh beberapa anak watan Kristang seperti En.Aloysius Sta Maria, En.Patrick de Silva dan En. George Lazaroos untuk memperkayakan kosa kata Kristang tetapi hasil usaha mereka belum diterbitkan, hanya dalam bentuk senarai kata Kristang – Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu.

Penghargaan patut diberi kepada usaha mereka yang sebahagiannya telah penyelidik sertakan dalam lampiran kajiannya (**Rujuk Lampiran II**). Senarai kata ini telah membantu penyelidik mengkaji tentang kewujudan perkataan-perkataan Kristang yang telah menyumbang dalam evolusi dan perkembangan perbendaharaan kata Bahasa Melayu misalnya *kareta*(kereta), *janela*(jendela), *garfo*(garpu) dan *meza*(meja). Daripada kajian penyelidik beberapa persamaan di

antara variasi kreol Kristang dan Bahasa Melayu telah dikenalpasti seperti perbendaharaan kata, struktur dan binaan kata.

Isu cadangan selanjutnya yang perlu diberi perhatian ialah sistem ejaan atau Ortografi Kristang. Oleh kerana kekurangan dokumen bertulis Kristang dan setakat ini sumber maklumat seperti lagu-lagu tradisional, *rainya*, *Nina Boboi* dan senarai kata milik generasi tua disampaikan secara lisan maka untuk tujuan dokumentasi, satu sistem ejaan baku diperlukan. Penyelidik mencadangkan untuk merealisasikan usaha ini satu jawatankuasa ditubuhkan yang merangkumi penutur natif Kristang dan pakar-pakar bahasa yang dapat merangka dan merancang satu bentuk tulisan Kristang yang standard yang boleh digunakan sebagai panduan rujukan dalam kerja-kerja penyelidikan selanjutnya. Sistem ejaan yang diperkenalkan perlu mudah dan dapat difahami dengan mengambilkira usaha-usaha penyelidikan senarai kata yang telah dijalankan oleh anak watan Kristang dalam bentuk bertulis. Walaupun kreol Kristang merupakan keluarga bahasa Portugis tetapi disebabkan pertembungan budaya dan proses asimilasi maka sistem ejaan yang disarankan perlu mudah dan mirip dengan sistem ejaan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris iaitu huruf “roman” dengan memberi penekanan kepada bentuk sebutan dan ejaan yang diamalkan oleh generasi tua Kristang demi memelihara bentuk keaslian sebutannya. Ini kerana sebelum ini usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan dalam konteks ortografi telah mewujudkan kontroversi di kalangan pengkaji barat [bukan penutur natif Kristang] telah menggunakan variasi sebutan dan ejaan perkataan Kristang yang berbeza. Ini telah mewujudkan banyak kekeliruan iaitu *Yo*, *Eo* [saya], *ake*, *akeli* [itu] dan *ngwa*, *ngua* [satu]. Jadi adalah diharapkan sistem ejaan Kristang yang baku akan dapat menanggani kelumpuhan sebutan tersebut.

Dari aspek agama pula untuk meneruskan tradisi nyanyian lagu-lagu Kristang, penggunaan kreol Kristang masih dikekalkan melalui nyanyian ‘Hymns’ (lagu keagamaan) Kristang semasa upacara ‘Mass’, Pesta St Pedro yang diadakan setiap tahun (bulan Jun) di Sekolah Menengah Canossa Convent, Melaka yang terletak di perkampungan Portugis sehingga hari ini. Ini merupakan satu usaha positif yang harus dialu-alukan untuk mengekalkan hayat penggunaan variasi kreol Kristang supaya berterusan di Malaysia khasnya di Melaka.

Oleh itu adalah diharapkan penyelidikan serta data kreol Kristang yang menjadi pokok perbincangan dalam disertasi penyelidik sedikit sebanyak dapat mengemukakan maklumat tambahan kepada pengkaji dan pakar akademik yang ingin melanjutkan kajian di dalam bidang ini khasnya kreol linguistik. Topik atau bab-bab yang menjadi bahan perbincangan disertasi penyelidik merangkumi beberapa elemen linguistik dalam struktur nahu kreol Kristang serta perbandingan yang dibuat dengan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan kreol Bahasa-Melayu di mana yang perlu.

Perbincangan aspek pengkelasan kata serta persamaan unsur-unsur linguistik dengan bahasa Melayu berdasarkan bukti menjadi fokus perbincangan. Ada beberapa kata nama am variasi Kristang menunjukkan perbezaan bentuk jantina bila digabungkan. Didapati ciri ini mempunyai persamaan dan wujud dalam bahasa Melayu seperti yang di kemukakan oleh pengkaji. Begitu juga dengan kata penentu *sa* variasi Kristang yang membawa maksud “milik atau punya” mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu dari segi fungsi dan maknanya serta kedudukannya dalam ayat telah dapat dikenalpasti. Ini merupakan satu lagi ciri unik elemen linguistik kreol Kristang yang kerap menggunakan fungsi ‘milik’ dalam konteks binaan ayat.

Di samping itu dalam kajian gologan kata, penanda kala depan, kala lampau dan kala kini, kata bantu kerap digunakan dalam konstruksi ayat variasi kreol Kristang seolah-olah tanpanya ayat menjadi tidak gramatis. Perbincangan juga difokuskan kepada perjenisan kelas kata berdasarkan contoh-contoh yang relevan.

Topik yang merangkumi penjelasan lanjutan bidang morfologi yakni penerbitan kata yang meliputi proses pemajmukan, penggandaan dan bentuk jantina turut dibincangkan secara teliti berpandukan contoh-contoh kreol Kristang. Keunikan variasi kreol Kristang yang telah dikenalpasti ialah penggunaan unsur ‘belong’ atau ‘punya’ yang sering digunakan dalam pembentukan kata majmuk Kristang yang lazimnya terdiri daripada binaan tiga perkataan berbanding dengan dua kata dasar dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Begitu juga dengan penggandaan separa yang merujuk kepada makna spesifik berbanding dengan fungsi jamak akibat pengguguran suku kata akhir kata dasar. Proses pengguguran ini merupakan satu lagi ciri istimewa elemen linguistik variasi kreol Kristang. Perubahan bunyi vokal ‘a’ dan ‘u’ yang masing-masing merupakan rujukan bentuk jantina betina dan jantan juga membuktikan bahawa elemen linguistik kreol Kristang hanya memerlukan satu bunyi vokal untuk memperlihatkan perbezaan jantina.

Akhir sekali merupakan bahagian yang menyentuh tentang rumusan umum kesemua bab disertasi yang telah dibincangkan. Penilaian serta cadangan-cadangan juga telah disertakan untuk mengekalkan penggunaan variasi kreol ini di masa hadapan. Juga adalah diharapkan disertasi ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada penyelidikan-penyelidikan dalam bidang kreol linguistik serta sebagai bahan rujukan berpandukan data-data dan contoh-contoh variasi kreol Kristang yang telah dikemukakan.